



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بَوْتِنَبَرَسِيَّتِي اِسْلَامًا اَنْبَارًا اِيْجَسِيًا مِلْمِيَّتِيَا

**PERUNTUKAN MASUK ISLAM
DALAM AKTA PENTADBIRAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN 1993
(AKTA 505):
ULASAN DAN KRITIKAN**

YAHYA BIN MD. ZAIN

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SESI 1993/1994**

**PERUNTUKAN MASUK ISLAM
DALAM AKTA PENTADBIRAN
UNDANG-UNDANG ISLAM
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN 1993
(AKTA 505):
ULASAN DAN KRITIKAN**

YAHYA BIN MD. ZAIN

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARI SYARAT MENDAPATKAN
DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SESI 1993/1994**

PENGAKUAN

"Saya akui penulisan kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

1 Jun 1994M

21 Zulhijjah 1414H



YAHYA BIN MD. ZAIN
G 9310208

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وخاتم النبيين، الداعى إلى الله بإذنه والسراج المنير، نبينا محمد وعلى
آله وصحبه والمهتدين بهديه والداعين بدعوته إلى يوم الدين . . .

وبعد :

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi, dengan taufiq dan hidayahNya, penulis berjaya menyiapkan Kertas Projek ini bagi memenuhi syarat untuk dianugerahkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam Sesi 1993/1994.

Dikesempatan ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y. Bhg. Prof. Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohd. Ibrahim selaku penyelia yang telah sudi memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis sehingga Kertas Projek ini dapat disiapkan. Juga kepada Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman yang banyak memberi dorongan, nasihat dan pandangan kepada penulis. Seterusnya kepada seluruh tenaga pensyarah Program DAIJ dan kakitangan Kulliyah Undang-Undang, Univesiti Islam Antarabangsa.

Ucapan terima kasih juga penulis ucapkan kepada semua pihak yang sudi memberi kerjasama bagi

menyiapkan Kertas Projek ini, khususnya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan PERKIM Pusat. Tidak ketinggalan juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Habibah dan Cik Zaini yang telah menolong penulis menaip Kertas Projek ini.

Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ayahanda yang dikasihi Tuan Haji Md. Zain Hanafi dan bonda Hajjah Jamaliah Syafie. Seterusnya buat isteri Puan Rosnani Hj. Abdul Murad dan anak-anak Mohd. Izzuddin, Mohd. Azamuddin, Mohd. Taqiyuddin dan Nur Izzah. Semangat dan dorongan yang diberikan adalah menjadi sumber kekuatan dan penawar kepada penulis untuk menghabiskan kursus ini bagi tempoh setahun.

Sesungguhnya yang baik adalah dari Allah S.W.T., dan yang lemah di dalam penulisan ini adalah dari nukilan dan coretan penulis sendiri. Akhirnya didoakan agar sama-sama mendapat kebahagiaan yang berpanjangan dan berkekalan dari Allah Taala.

YAHYA MD. ZAIN

1 JUN 1994

21 Zulhijjah 1414

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Kandungan	iv
Singkatan Kata	vi
Muqaddimah	vii
BAB I : SEJARAH PENGUBALAN AKTA 505	
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Faktor-Faktor Kenapa Undang-Undang Berkaitan Pentadbiran Islam Di Wilayah Persekutuan Perlu Digubal	7
1.3. Jawatankuasa Penggubalan	9
1.4. Kandungan Akta 505	14
1.5. Pembentangan Di Dewan Rakyat	23
1.6. Pembentangan Di Dewan Negara	28
1.7. Pengwartaan Dan Kuatkuasa	31
BAB II : PENGENALAN MUALLAF	
2.1. Pendahuluan	32
2.2. Definasi Muallaf	33
2.3. Badan-Badan Yang Terlibat Dengan Urusan Muallaf	40
2.4. Method Pengislaman Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan	55
BAB III : PERUNTUKAN MEMELUK ISLAM	
3.1. Kehendak-Kehendak Bagi Masuk Islam	58
3.2. Saat Masuk Islam	60

3.3.	Tugas-Tugas Dan Kewajipan-Kewajipan Seseorang Muallaf	64
3.4.	Pendaftar Dan Daftar Muallaf	66
3.5.	Pendaftaran Muallaf	67
3.6.	Perakuan Masuk Islam	68
3.7.	Pengiktirafan Muallaf Sebagai Orang Islam	68
3.8.	Menentukan Sama Ada Orang Yang Tidak Didaftarkan Ialah Seorang Muallaf	70
3.9.	Kesalahan Memberi Maklumat Palsu	71
3.10.	Kuasa Membuat Kaedah-Kaedah	71
3.11.	Keupayaan Masuk Islam	71
BAB IV	: PANDANGAN, KRITIKAN DAN SARAAAN	
4.1.	Memeluk Islam Di Bawah Umur 18 Tahun	77
4.2.	Perkara 12(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan	82
4.3.	Murtad:	84
4.3.1.	Hukum Murtad	85
4.3.2.	Sebab-Sebab Saudara Baru Murtad	89
4.3.3.	Bidang Kuasa Majlis/Jabatan Agama Islam Berkaitan Dengan Murtad	94
4.3.4.	Deed Pool	100
BAB V	: PENUTUP	108
BIBLIOGRAFI		121
LAMPIRAN		

SINGKATAN KATA

JPM	:	Jabatan Perdana Menteri
MAJLIS	:	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
JAWI	:	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
W.P.	:	Wilayah Persekutuan
PERKIM	:	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
IDIP	:	Institut Dakwah Islamiah PERKIM.
KL	:	Kuala Lumpur
JH	:	Jurnal Hukum
PAS	:	Parti Islam SeMalaysia
DAP	:	Demokratik Action Party
Outreach	:	Islamic Outreach ABIM
PP	:	Pulau Pinang
bil.	:	bilangan
cet.	:	cetakan
juz.	:	juzuk
hlm.	:	halaman
S.W.T.	:	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w.	:	Sallallahu Alaihi wa Sallam
r.a.	:	radhiyallahu 'anhu
t.t.	:	tiada tarikh
jld.	:	jilid
DBP	:	Dewan Bahasa Dan Pustaka
sek	:	seksyen
lwn.	:	lawan

MUQADDIMAH

Pada masa kini bilangan orang-orang bukan Islam memeluk agama Islam di negara kita Malaysia boleh dikatakan telah bertambah dari setahun ke setahun. Pertambahan ini hendaklah kita terima dengan baik di samping bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan hidayahNya telah membuka pintu hati mereka untuk menerima Islam sebagai pegangan hidup. Walaupun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang keluar Islam dan kembali ke agama asal kerana lemah iman di samping tidak terdaya untuk menghadapi cubaan dan dugaan.

Telah menjadi lumrah di kalangan masyarakat di mana Islam sering dikaitkan dengan kemelayuan, malah terdapat anggapan bahawa agama Islam kepunyaan atau milik orang Melayu. Anggapan seumpama ini timbul kerana hampir semua orang Melayu di Malaysia adalah beragama Islam. Dengan anggapan sedemikian, menjadi orang Islam bererti menjadi orang Melayu. Sebenarnya seorang yang bukan Melayu apabila memeluk agama Islam ia tetap kekal dengan etnik asalnya. Oleh itu anggapan bahawa penganut agama Islam itu terhad kepada orang Melayu sahaja haruslah dikikiskan.

Setiap orang bukan Islam yang ingin memeluk Islam pasti akan berhadapan dengan beberapa masalah yang

telah sedia menanti di hadapan mereka, di antaranya ialah masalah sosial, ekonomi, pendidikan dan penghayatan terhadap Islam. Penukaran kepada agama Islam memerlukan mereka mengorentasikan diri mereka kepada kepercayaan dan nilai-nilai baru. Ada juga yang mengalami dilema kerana di satu pihak mereka dipulaukan oleh keluarga sendiri, sementara di pihak lain pula mereka tidak diterima oleh masyarakat Melayu.

Menyedari tentang hakikat ini, kita sebagai seorang Islam sama ada secara individu atau kumpulan bertanggungjawab mengambil berat tentang berbagai masalah yang dihadapi oleh saudara baru dan sama-sama mencari jalan bagi mengatasinya demi menguatkan lagi ukhawah yang sedia terjalin.

Sebagai umat Islam kita juga perlu tahu apakah hak-hak saudara baru yang patut diberi pertolongan dan perlindungan supaya mereka menghayati hidup ini sama seperti saudara-saudara Islam yang lain.

Penulisan ini adalah melibatkan tumpuan khusus di segi undang-undang yang sedia ada dalam menjaga dan menjamin kebajikan saudara baru. Terdapat beberapa kes saudara baru tidak boleh diselesaikan kerana terdapat halangan-halangan di segi undang-undang. Kajian ini juga akan menyentuh secara khusus tentang

peruntukan-peruntukan Masuk Islam yang terkandung dalam Akta 505.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Tiap-tiap bab akan menghurai dan membincangkan tajuk-tajuk yang telah dikhususkan. Bab pertama menjelaskan tentang latar belakang, faktor-faktor dan kenapa perlu digubal satu undang-undang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Manakala bab kedua penulis memfokuskan tentang istilah, definasi dan method pengislaman saudara baru. Di samping itu dipaparkan beberapa pertubuhan yang terlibat secara khusus dalam memberi perkhidmatan dan menjaga kebajikan saudara baru terutamanya di bidang pendidikan. Bab ketiga pula membincangkan secara khusus tentang peruntukan-peruntukan Masuk Islam yang terkandung dalam Akta 505.

Bab keempat, penulis mendedahkan tentang pandangan Islam mengenai keupayaan masuk Islam, halangan-halangan di segi undang-undang khususnya perkara 12(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya membincangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan murtad, merangkumi definasi, hukuman dan gejala murtad di kalangan saudara baru. Bidang kuasa Majlis/Jabatan Agama Islam berkaitan dengan murtad. Dalam bab ini juga dipaparkan beberapa kes keluar

Islam yang dibuat melalui Akuan Berkanun "Deed Poll". Seterusnya diselitkan beberapa pandangan dan kritikan khususnya yang berkaitan dengan undang-undang.

Bab kelima merupakan bab terakhir yang memaparkan beberapa saranan yang difikirkan sesuai dan munasabah, sebagai langkah ke arah mengatasi, menyelesaikan dan mengurangkan permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru.



BAAB

||

BAB I

SEJARAH PENGGUBALAN AKTA A 505

1.1. PENDAHULUAN

Pada tanggal 1 Februari 1974, telah berlaku satu peristiwa yang bersejarah bagi Malaysia amnya dan bagi negeri Selangor serta Kuala Lumpur khususnya. Pada tarikh tersebut Kuala Lumpur yang menjadi sebahagian dari Negeri Selangor dan pernah menjadi ibu negerinya telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat dan ianya menjadi Wilayah Persekutuan. Dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor telah menyerah dan melepaskan dari tanggungjawabnya segala urusan pentadbiran termasuk pentadbiran ugama di Wilayah Persekutuan.¹ Kawasannya adalah seluas 150.4 kilometer persegi (94 batu persegi).²

Dengan wujudnya Wilayah Persekutuan maka keperluan kepada satu undang-undang pentadbiran agama Islam di Wilayah Persekutuan adalah diperlukan. Pada masa itu pihak yang bertanggungjawab telah mengarahkan supaya satu undang-undang hendaklah diwujudkan untuk

¹Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Laporan Tahunan 1974, Kuala Lumpur, Percetakan Semenanjung Malaysia, 1976, hal.1.

²Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Buku Penerangan Kecil, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hal. 7.

membolehkan perjalanan pentadbiran agama dilaksanakan. Atas nasihat Jabatan Peguam Negara, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 dipakai sebab Wilayah Persekutuan ditubuhkan melalui cara pengambilan alih kuasa.³ Oleh itu beberapa pindaan dan pengubahsuaian telah dibuat ke atas Enakmen tersebut.

Dengan lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973 (Akta A 206) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat perintah. Perintah tersebut dinamakan "Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak), 1974, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1974.⁴ Penubuhan Majlis Agama Wilayah Persekutuan adalah dengan kuatkuasanya Akta tersebut.

Dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 3 fasal 5 telah diperuntukkan:

"3(5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal agama Islam dan bagi

³Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Taklimat Mengenai Kedudukan Jawatankuasa Penggubalan Enakmen Pentadbiran Uqama Islam, Wilayah Persekutuan, 16 Mei 1981, hal. 1.

⁴Warta Kerajaan, P.U.(A)44, hal. 122 - 125.

menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam".⁵

Berdasarkan kepada kuasa yang diberi oleh Akta A 206 dan perkara 3 fasal 5 Perlembagaan Persekutuan, maka Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan. Seksyen 5 Enakmen berkenaan memperuntukkan:

"5. Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan."

Majlis yang ditubuhkan itu merupakan Badan yang bertanggungjawab dan kuasa yang tertinggi bagi semua urusan agama di dalam Wilayah Persekutuan. Seksyen 37 Enakmen berkenaan memperuntukkan:⁶

"37. Majlis bagi pihak DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah Persekutuan ini, hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas segala perkara yang berkaitan dengan agama Islam di Wilayah Persekutuan dan adat istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa tertinggi sekali di Wilayah

⁵Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan.

⁶Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974, Seksyen 5 dan 37.

Persekutuan ini melainkan yang berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam undang-undang ini."

Berdasarkan kepada Seksyen 13 (1), (2), (3) dan (4) Enakmen berkenaan, Yang di-Pertuan Agong dalam tahun 1974 telah melantik seramai 14 orang bagi menganggotai Majlis tersebut. Y.A.B. Allah Yarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein (Perdana Menteri Malaysia ketika itu) dan Y.B. Allah Yarham Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda, masing-masing telah dilantik sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang pertama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Keanggotaannya pada masa ditubuhkan adalah seperti berikut:

- 1) Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein - Pengerusi
- 2) Y.B. Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda - Timbalan Pengerusi
- 3) Ketua Setiausaha Negara (Y.B. Tan Sri Abd. Kadir bin Samsuddin) - Ahli Ex-Officio
- 4) Datuk Bandar Kuala Lumpur (Y.B. Tan Sri Yaacob bin Abd. Latif) - "
- 5) Mufti Wilayah Persekutuan (S.S. Sheikh Abd. Mohsein bin Haji Salleh) - "
- 6) Y.B. Datuk Haji Wan Abd. Kadir bin Ismail - Ahli
- 7) Y.B. Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail - "
- 8) Y.B. Tan Sri Haji Yusoff bin Haji Ibrahim - "
- 9) Y.B. Datuk Haji Ahmad Nordin bin Haji Zakaria - "

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 10) | Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri | - | " |
| 11) | En. Othman bin Haji Ishak | - | " |
| 12) | Tuan Haji Abdul Jalil Safuan Haji Abd. Rahman | - | " |
| 13) | Tuan Haji Abdul Rahman bin Yusop | - | " |
| 14) | Puan Hajjah Hamidah binti Hj. Mohd. Noor | - | " |

Sepanjang tahun 1974, Majlis telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu kali pertama pada 11 Februari 1994 dan kali keempat pada 23 November 1994.⁷

Setelah lulusnya Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 (Akta A 585), maka tanggal 16 April 1984, Labuan telah diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan dan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Mulai tarikh tersebut fungsi Majlis Agama Islam Sabah di Labuan diambilalih oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.⁸

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menyedari tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952, maka dalam persidangannya pada 11 Februari 1974, telah membuat keputusan bahawa penggunaan Enakmen berkenaan adalah untuk sementara sahaja, dan suatu undang-undang

⁷Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Laporan Tahunan 1974, Op.cit, hal. 1 - 2.

⁸Warta Kerajaan, P.U(A) 352, 8 Ogos 1985, berkuatkuasa mulai 16 April 1984.

yang lebih kemas dan teratur hendaklah digubal. Banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam di Wilayah Persekutuan tidak dapat diselesaikan kerana terdapatnya halangan-halangan disegi undang-undang.⁹

Menyedari tentang keadaan ini, Y.A.B. Datuk Hussein Onn selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah membuat gesaan dalam persidangan Majlis pada 25 Julai 1977 agar Wilayah Persekutuan mengambil tindakan mengujudkan undang-undang khas bagi Pentadbiran Ugama Islam di Wilayah Persekutuan dengan mengambil perhitungan akan keadaan dan suasana pada masa itu, kerana undang-undang yang dipakai dan berkuatkuasa ini adalah tidak memuaskan. Seterusnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas mendengar taklimat mengenai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di Kementerian Wilayah Persekutuan pada 26 November, 1979 juga telah menggesa agar penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan hendaklah dipercepatkan.¹¹

⁹Minit Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, kali pertama, pada 11 Februari, 1974, agenda 6.

¹⁰Minit Mesyuarat Majlis Kali Ke 9, pada 25 Julai, 1974, agenda 2.

¹¹Taklimat Mengenai Kedudukan Jawatankuasa Penggubalan Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, op.cit, hal. 4.

1.2. FAKTUR-FAKTUR KENAPA UNDANG-UNDANG BERKAITAN PENTADBIRAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN PERLU DIGUBAL

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1952 yang dipakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah pada hakikatnya undang-undang Negeri Selangor yang dipinjampakai oleh Wilayah-wilayah Persekutuan. Ianya adalah satu undang-undang yang boleh dikatakan lama iaitu dikanun sejak tahun 1952 lagi. Oleh itu adalah perlu suatu undang-undang baru bagi menggantikannya. Tambahan pula Enakmen tersebut tidak mempunyai naskhah Bahasa Malaysia yang sahih untuk rujukan.

Semenjak dari penguatkuasaannya, Enakmen tersebut telah melalui beberapa proses pindaan dan pengubahsuaian yang dibuat melalui Akta dan perintah-perintah berikut:

a) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakment Pentadbiran Hukum Syarak) 1974: P.U.(A)44;¹²

b) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakment Pentadbiran Hukum Syarak) 1981: P.U.(A)390;¹³

c) Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984: Akta A 576;¹⁴

¹²Warta Kerajaan, P.U.(A)44, hal. 122 - 125.

¹³Warta Kerajaan P.U.(A) 390, 10 Disember, 1981. hal. 1577 - 1578.

¹⁴Warta Kerajaan, Akta A 576, 19 Januari, 1984, hal. 1 - 8

d) Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengu-
bahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum
Syarak) 1985: P.U.(A) 352;¹⁵

e) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1988: P.U.(A)163;¹⁶

f) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1988: P.U.(A)263.¹⁷

Suatu perubahan besar yang dilakukan kepada
Enakmen tersebut ialah dengan memansuhkan peruntukan-
peruntukan mengenai perkahwinan, perceraian, penjagaan
dan hal-hal berkaitan dengan kekeluargaan Islam.
Peruntukan-peruntukan tersebut telah dimasukkan ke
dalam satu Akta yang khusus iaitu Akta Undang-Undang
Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)
yang mula berkuatkuasa pada 29 April 1987.¹⁸

Undang-undang yang digubal ini adalah untuk
menyesuaikan dengan suasana dan keadaan semasa yang
memerlukan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang

¹⁵Warta Kerajaan, P.U.(A)352, 8 Ogos, 1985, hal.
1215 - 1217.

¹⁶Warta Kerajaan, P.U.(A)163, 26 Mei, 1988, hal.
747 - 750.

¹⁷Warta Kerajaan, P.U.(A)263, 18 Ogos, 1988, hal.
1100 - 1101.

¹⁸Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah
Persekutuan 1984 (Akta 303), yang berkuatkuasa mulai 29
April, 1987 melalui Warta Kerajaan, P.U.(B)236, 23
April, 1987.

yang bersesuaian. Di antara perkara-perkara tersebut adalah mengenai:

a) Pengasingan dan kebebasan badan kehakiman Syariah;

b) Penyusunan semula struktur dan penukaran nama badan kehakiman Syariah; dan

c) Mengasingkan peranan tiga badan mengenai agama Islam iaitu Majlis, Mufti dan Mahkamah.

1.3. JAWATANKUASA PENGGUBALAN

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam persidangannya kali ke 2 pada 19 April, 1974 telah membuat keputusan bersetuju supaya sebuah Jawatankuasa Undang-Undang Islam di peringkat Wilayah Persekutuan ditubuhkan. Tujuan penubuhannya ialah untuk mengkaji, merangka dan menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan.

Ahli-ahli yang dilantik adalah terdiri daripada:¹⁹

- i) Mufti Wilayah Persekutuan.
- ii) Kadi Besar Wilayah Persekutuan.
- iii) Wakil Peguam Negara.
- iv) Wakil Universiti Malaya.

¹⁹Minit Mesyuarat Majlis, kali ke 2, pada 19 April, 1974, agenda 5.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Undang-Undang Islam itu, maka lahirlah Draf Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) di peringkat permulaan. Walau bagaimanapun, draf tersebut banyak terdapat persamaan dengan peruntukan yang terdapat dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang telah pun dikuatkuasakan. Terdapat beberapa peruntukan yang terdapat di dalam draf Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) tidak sesuai dengan pentadbiran hal ehwal nikah cerai orang-orang Islam.

Bagi maksud penelitian Draf Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), maka Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di dalam persidangannya kali ke 13 pada 12 Februari, 1981 telah membuat keputusan bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa lain. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:²⁰

- | | | | |
|------|---|---|------------|
| i) | Prof Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohd. Ibrahim | - | Pengerusi |
| ii) | Mufti Wilayah Persekutuan | - | Ahli |
| iii) | Datin Paduka Hajah Aishah Ghani atau wakilnya | - | " |
| iv) | En. Abd. Aziz Muhamad | - | " |
| v) | Qadi Besar Wilayah Persekutuan | - | " |
| vi) | Dr. Othman bin Hj. Ishak | - | " |
| vii) | Setiausaha Majlis | - | Setiausaha |

²⁰Minit Mesyuarat Majlis, kali ke 13, pada 12 Februari, 1981, agenda 4.3.

Jawatankuasa ini telah diberi kuasa mengco-opt. ahli-ahli tambahan yang difikirkan perlu dan boleh membuat kajian yang menyeluruh ke atas draf undang-undang yang sedia ada bagi membolehkan Draf Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) menjadi undang-undang yang comprehensive. Perhatian dan penekanan hendaklah diberi ke arah mengadakan penyesuaian yang lebih mudah terhadap tuntutan nafkah dan saraan.

Untuk mencapai hasrat dan cita-cita agar Undang-Undang Pentadbiran Hal Ehwal Islam Wilayah Persekutuan dirangka dan digubal, maka Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam persidangannya kali ke 4 pada 12 Februari, 1981 telah membuat keputusan supaya jawatankuasa yang ditubuhkan itu digabungkan dengan Jawatankuasa Induk Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Di samping itu jawatankuasa tersebut diberi kuasa mengco-opt. ahli-ahli lain jika perlu. Jawatankuasa tersebut dikenali dengan nama "Jawatankuasa Mengkaji Dan Menggubal Undang-Undang Agama Islam Wilayah Persekutuan."²¹

Keanggotaan jawatankuasa sentiasa berubah-ubah dari masa ke semasa disebabkan ahli-ahli yang dilantik khususnya yang dilantik atas nama jawatan bertukar ke

²¹Minit Mesyuarat Majlis, kali ke-14, pada 22 Oktober, 1981, agenda 4.8.